

**PANDUAN  
SKIM LATIHAN DAN GALAKAN BAGI  
KUMPULAN SOKONGAN UNTUK  
MENCEBURI DIRI DALAM  
PERNIAGAAN**



**Kata-kata Aluan  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, maka Buku Panduan JPA Edisi Keempat dapat diterbitkan sebagai satu usaha murni ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri meletakkan harapan yang tinggi terhadap keupayaan perkhidmatan awam sebagai penggerak kemajuan negara. Ia dizahirkan melalui teras kedua dan kelima RMK-9 yang menekankan aspek modal insan yang berminda kelas pertama dan meningkatkan keupayaan organisasi.

Realitinya, persekitaran perkhidmatan awam tidak lagi seperti biasa. Justeru, JPA perlu terus relevan melaksanakan peranan untuk menjelmakan manifestasi *stakeholders* kepada rakyat. JPA harus sentiasa mengamalkan prinsip *kaizen* bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti dan melangkuai kebiasaan.

Saya berharap agar semua usaha JPA dapat diterjemahkan melalui penerbitan Buku Panduan JPA Edisi Keempat ini. Semoga dengan penerbitan Buku Panduan JPA, segala urusan antara pelanggan dengan JPA dapat dipermudahkan dan dipercepatkan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "J.S. Ismail Adam".

**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**

## **1. PENGENALAN**

Pada tahun 1986, Kerajaan telah memutuskan bahawa satu langkah untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru, satu skim Lantihan dan Galakan hendaklah diwujudkan bagi kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan Sokongan yang berminat untuk menceburkan diri sepenuh masa dalam perniagaan kecil.

- 1.1 Hasil daripada keputusan tersebut, kursus-kursus berikut telah disediakan :
  - (a) Latihan Asas Perniagaan;
  - (b) Latihan Pewujudan Usahawan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan
  - (c) Latihan Skim dan Galakan Kakitangan Menceburi Bidang Perniagaan bagi Kumpulan Sokongan.
- 1.2 Kelulusan bagi Kursus (a) dan (b) adalah tanggungjawab Ketua Jabatan tetapi Kursus (c) perlu mendapat kelulusan daripada JPA kecuali bagi pegawai-pegawai daripada Badan Berkanun yang boleh diluluskan oleh Badan Berkanun sendiri.
- 1.3 Ketiga-tiga kursus dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

## **2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- (a) Permohonan telah menerima tawaran kursus daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- (b) Telah disahkan dalam jawatan;
- (c) Bebas pertuduhan tatatertib;
- (d) Calon perlu melengkapkan Borang JPA(L)LDP 1B/96;
- (e) Kementerian/Jabatan telah melengkapkan Borang JPA(L)LDP 1A/96;
- (f) Calon melengkapkan Borang Perletakan Jawatan JPA(L)10 dan JPA(L)20;
- (g) Tarikh persaraan Pilihan/Wajib dicatatkan di borang semakan; dan
- (h) Salinan surat kelulusan persaraan wajib/pilihan daripada Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.

## **3. PENGHANTARAN BORANG**

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen yang diperlukan kepada JPA melalui Jabatan atau Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk mendapatkan tempat berkursus dan Kementerian panjangkan ke JPA setelah tempat kursus ditentukan.

#### **4. PEGAWAI YANG DIHUBUNGI**

Sekiranya pemohon mempunyai sebarang kemasukan mengenai kursus ini, sila hubungi pegawai berikut :

<b>Bidang Tugas</b>	<b>Nama Pegawai</b>
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan	Datin Madinah binti Mohamad 03-88853005 (madinah@jpa.gov.my)
Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan (Operasi)	Encik Zainal Abidin bin Ahmad 03-88853010 (zainalaa@jpa.gov.my)
Ketua Unit Latihan Dalam Perkhidmatan	Cik Saraya binti Arbi 03-88853058 (saraya.arbi@jpa.gov.my)
Urusan Hadiah Latihan	Puan Noraini binti Suboh 03-88853410 (noraini.suboh@jpa.gov.my)

## **ALAMAT SURAT MENYURAT**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 4 – 6, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P PUTRAJAYA  
**(u.p : Unit Latihan Dalam Perkhidmatan)**

Talian Utama: **03-8885 3000**

*Hot-line* : **03-8885 3041**

Faks : **03-8889 2171 / 72 / 76**

E-mel : **ldp@jpa.gov.my**

## CARTA ALIRAN

